

24/11/1999

Ramai golongan muda sokong BN

KUALA LUMPUR, Selasa - Barisan Nasional (BN) mendapat petanda baik untuk terus memerintah negara apabila semakin ramai golongan muda menyatakan secara terbuka sokongan mereka kepada kerajaan.

Calon BN bagi kerusi Parlimen Wangsa Maju, Datuk Zulhasnan Rafique, berkata petanda itu membuktikan rakyat, terutamanya golongan muda yang dianggap kumpulan terbesar menyokong gerakan reformasi, tetap setia bersama kerajaan.

"Ini adalah isyarat yang bagus, generasi baru nampaknya tetap menyokong kerajaan BN," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan delegasi 100 ahli Angkatan Pemuda Warisan (Pewaris) di Setapak Jaya, di sini hari ini.

Delegasi Pewaris yang diketuai presidennya, Ahmad Ansor, hadir bagi menyatakan sokongan padu kepada Zulhasnan yang akan ditentang Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusof, dalam pilihan raya umum pada 29 November depan.

Sebelum ini, beberapa pertubuhan pelajar dan belia, termasuk Majlis Belia Malaysia dan Pemuda Negara, menyatakan sokongan terbuka kepada BN.

BN turut menerima sokongan padu daripada pertubuhan lain termasuk dewan perniagaan. Semalam, Persatuan Bekas Tentera Malaysia menemui Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menyatakan sokongan kepada kerajaan.

Zulhasnan berkata, sokongan yang diterima BN daripada golongan muda membuktikan rakyat mahukan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi yang dikecapi sekian lama berterusan.

Katanya, mereka jelas tidak mahu mempertaruhkan masa depan mereka serta negara kepada parti pembangkang yang ternyata tidak mampu meneruskan pemerintahan yang baik yang diwujudkan BN.

"Kita amat menghargai sokongan pelajar kepada BN dan mereka wajar memainkan lebih peranan dengan meyakinkan ibu bapa mereka," katanya sambil menyatakan keyakinan dapat mengekalkan kerusi parlimen itu untuk BN.

Kerusi parlimen Wangsa Maju sebelum ini dimenangi BN menerusi Datuk Dr Kamal Salih dengan majoriti 27,894 undi.

(END)